



Berita Harian

15-Jan-2010

Page: 30

Business & Finance

Region: Malaysia

Circulation: 300000

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 106.38 sq.cms

Frequency: MTWTFS

CIMB-Principal lancar dana pertama 2010

CIMB-Principal Asset Management Bhd melancarkan dana pertamanya tahun ini iaitu CIMB Islamic Global Commodities Equity Fund, dana patuh Syariah yang menyediakan peluang pelaburan luas dalam komoditi global.

Ketua Eksekutifnya, J Campbell Tupling, berkata dana terbabit memberikan pendedahan terhadap saham yang akan meraih manfaat daripada peningkatan permintaan sumber asli dan bahan asas.

Katanya, ia termasuk sektor tenaga, logam, pertanian serta tenaga diperbaharui susulan jangkaan pertumbuhan penduduk dunia.

Beliau berkata, CIMB Islamic Global Commodities Equity Fund dengan saiz dana 600 juta unit dan ditawarkan pada harga 25 sen seunit, itu menawarkan pertumbuhan jangka panjang dan sederhana.

“Dari segi potensinya, dana ini disasar mampu berkembang antara 10 hingga 15 peratus dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

“Kami menjangka dapat menjual kesemua unit dana ini yang bernilai RM150 juta sebelum akhir tahun ini,” katanya pada pelancaran CIMB Islamic Global Commodities Equity Fund di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Pelaburan CIMB-Principal Asset Management, Raymond Tang.

Tupling berkata, permintaan komoditi global terbabit dijangka meningkat berikutan pertumbuhan penduduk dunia, perindustrian, bandar besar dan permintaan terhadap tenaga bersih.

Katanya, penduduk dunia yang dianggarkan meningkat kepada 9.1 bilion orang pada 2050 daripada 6.5 bilion ketika ini akan memberi kesan ketara terhadap sektor komoditi.